

NO. SOALAN: 62

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 19 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta PERDANA MENTERI menyatakan bahawa fatwa mengenai larangan penyebaran dan amalan ajaran Syiah telah dilakukan di Negeri Sarawak.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Butiran I, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa perkara-perkara berkaitan hal ehwal Agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

135

Berkenaan dengan pempfatwaan ajaran Syiah di Sarawak, di maklumkan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke-2 pada 23 November 1996 telah memutuskan bahawa semua Mazhab Syiah dari golongan apapun tidak boleh diterima untuk diamalkan oleh orang Islam di Sarawak serta menetapkan bahawa Umat Islam di Sarawak hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi Aqidah, Syariah dan Akhlak.

Sehubungan itu, perkara berkaitan dengan kawalan dan penguatkuasaan fatwa ajaran Syiah di negeri Sarawak hendaklah dirujuk kepada negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih